



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
ARAS 2, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR 79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

CARA PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong melalui pautan <https://bpsm.johor.gov.my/jawatankosong/> atau dengan mengimbas Kod QR seperti di dalam iklan Jawatan Kosong
2. Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan **GAMBAR BERUKURAN PASPORT TERKINI** dan **SALINAN DIAKUI SAH** bagi semua dokumen-dokumen yang berkaitan seperti berikut :-
 - i) Sijil Kelahiran
 - ii) Kad Pengenalan
 - iii) Sijil Berhenti Sekolah
 - iv) Sijil **SVM/SPM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2 (FT19 / N19)**
 - v) Sijil-Sijil Akademik Dan Kelayakan Yang Berkaitan
 - vi) Salinan semakan Pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)

* (Pegawai yang layak membuat pengesahan Salinan dokumen adalah daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41, Kumpulan A ke atas dan lain-lain seperti Penggawa/Penghulu/Ketua Kampung/Senator/Ketua Masyarakat)

3. Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat :-

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR,
ARAS 2, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR,
79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR.**

4. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di sudut sebelah atas **kiri sampul surat**.
5. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui ketua jabatan dan disertakan sekali Kenyataan Perkhidmatan yang terkini bertaip dan Salinan Laporan Penilaian Prestasi 3 tahun kebelakang.

6. Calon hendaklah menduduki **Ujian Psikologi** yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.
7. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil temuduga.
8. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
9. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

PERMOHONAN AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

1. Tidak menggunakan borang permohonan yang telah disediakan;
2. Tidak membuat pengesahan salinan dokumen-dokumen yang disertakan;
3. Tidak lengkap atau tidak terang tulisan;
4. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam iklan; dan
5. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat;

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 DISEMBER 2023 (AHAD)